

Pesawat Tidak Dikenali Itu Ialah MH370, Tersasar Daripada Laluan Asal - Najib Bernama
15 Mac, 2014

SEPANG, 15 Mac (Bernama) – Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Sabtu mengesahkan pesawat tidak dikenali yang dikesan radar utama adalah pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370.

Katanya, pesawat yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menuju Beijing itu tersasar daripada laluan asal Sabtu lepas dan kemudiannya hilang.

Walaupun terdapat laporan media mengenai kemungkinan pesawat itu dirampas, Najib menegaskan bahawa pihak berkuasa masih menyiasat semua kemungkinan sehingga kepada apa yang menyebabkan Penerbangan MH370 tersasar daripada laluan penerbangan asalnya.

Perdana Menteri berkata pihak berkuasa dan pasukan penyiasat memperoleh data baharu berhubung kali terakhir pesawat itu berhubung dengan satelit, dan ini membuka satu fasa baharu operasi mencari termasuk menamatkan gerakan di Laut China Selatan dan menilai semula penugasan asset-aset.

“Hari ini berdasarkan data satelit belum diproses, yang diperoleh daripada penyedia perkhidmatan data satelit, kami boleh mengesahkan bahawa pesawat yang ditunjukkan dalam data radar utama itu adalah Penerbangan MH370,” katanya ketika membacakan kenyataan dalam taklimat media yang diadakan di hotel Sama-Sama di Sepang.

Selepas banyak kajian forensik dibuat dan perbincangan mendalam diadakan, Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA), National Transportation Safety Board (NTSB), Air Accidents Investigation Branch (AAIB) dan pihak berkuasa Malaysia, yang mengkaji data itu secara berasingan, memberi pendapat yang sama, kata Najib.

Berikutan perkembangan itu, beliau berkata Malaysia dan rakan antarabangnya memutuskan bahawa komunikasi kali terakhir antara pesawat itu dengan satelit, berlaku di salah satu daripada dua koridor – utara atau selatan.

Kemungkinan dua koridor itu adalah satu koridor utara yang menganjur lebih kurang dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan sehingga ke utara Thailand atau koridor selatan yang menganjur dari Indonesia hingga ke selatan Lautan Hindi.

“Pasukan siasatan sedang berusaha memperhalusi maklumat ini,” katanya.

Najib berkata menurut data baharu itu, kali terakhir pesawat itu dan satelit berkomunikasi ialah pada 8:11 pagi waktu Malaysia, Sabtu, 8 Mac.

“Pasukan penyiasat sedang membuat kiraan selanjutnya untuk mengetahui hingga sampai ke mana pesawat itu mungkin terbang selepas kali terakhir ia mempunyai hubungan. Ini akan membantu kami memperhalusi usaha mencari.

Berikutan jenis satelit yang ada, kami tidak dapat mengesahkan lokasi tepat pesawat itu berada ketika kali terakhir ia membuat hubungan dengan satelit,” kata Najib.

Perdana Menteri berkata pihak berkuasa telah menjalankan operasi mencari di daratan, di Laut China Selatan, Selat Melaka, Laut Andaman dan Lautan Hindi.

“Di setiap peringkat, kita bertindak berdasarkan maklumat yang disahkan dan kita mengikut setiap petunjuk yang (boleh) dipercayai. Kadangkala petunjuk ini tidak membawa ke mana,” katanya.

Beliau berkata maklumat satelit yang baharu mempunyai impak yang signifikan daripada segi sifat dan skop operasi mencari.

“Kita bekerjasama dengan negara-negara berkaitan untuk meminta semua maklumat yang relevan dalam usaha mencari termasuk data radar,” katanya.

Beliau berkata memandangkan dua koridor baharu itu membabitkan banyak negara, kedutaan asing yang relevan dijemput menghadiri taklimat mengenai maklumat baharu oleh Kementerian Luar Malaysia dan pakar-pakar teknikal.

Najib mendedahkan bahawa berdasarkan maklumat satelit baharu itu, ia boleh dijelaskan dengan “kepastian tahap tinggi” bahawa Sistem Pengendalian Komunikasi dan Laporan Pesawat (ACARS) dimatikan seurus sebelum pesawat itu sampai di kawasan pantai timur semenanjung Malaysia dan tidak lama selepas itu, berhampiran sempadan kawalan trafik udara antara Malaysia dengan Vietnam, transponder pesawat itu dimatikan.

“Mulai saat itu, radar utama Tentera Udara Diraja Malaysia menunjukkan sebuah pesawat, yang dipercayai – tetapi tidak disahkan – MH370 memang berpatah balik.

“Ia kemudian terbang semula ke arah barat melalui semenanjung Malaysia sebelum membelok ke arah barat laut. Sepanjang tempoh itu, sehinggalah ia hilang daripada liputan radar utama, pergerakan yang berlaku menunjukkan ia adalah hasil tindakan secara sengaja oleh seseorang yang berada dalam pesawat itu,” katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022230>